



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 5 (25)
Tarikh : 17 Mac 2021

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2021***

**PELAKSANAAN PROGRAM INTERAKTIF KEMAHIRAN BAHASA MELAYU
DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021**

TUJUAN

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Pelaksanaan Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM) di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Mulai Tahun 2021.

LATAR BELAKANG

2. Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 dalam strategi ke-5, memperkukuh bahasa Melayu melalui kokurikulum telah menetapkan pelaksanaan PIKeBM di sekolah. PIKeBM merupakan salah satu daripada pernyataan dalam inisiatif hala tuju pendidikan Bahasa Melayu KPM.

3. PIKeBM bertujuan membantu meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran lisan bahasa Melayu dan melatih murid dalam berkomunikasi secara lebih berkesan serta bertatasusila. PIKeBM juga dapat menerapkan nilai murni dalam kalangan murid dan menyuburkan perasaan cinta akan bahasa Melayu.

4. PIKeBM adalah program sisipan kemahiran lisan yang dijalankan semasa perjumpaan aktiviti kokurikulum bagi membantu meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Melayu. Program ini adalah hasil daripada Makmal Bahasa Melayu KPM, Fasa 1 yang telah diadakan pada 4 hingga 15 April 2016 dan Fasa 2 pada 9 hingga 20 Mei 2016.

5. Mesyuarat Profesional KPM Bil. 6/2021 bertarikh 16 Februari 2021 telah meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2021.

PELAKSANAAN

6. Garis Panduan Pelaksanaan Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2021 yang disertakan bersama-sama SPI ini disediakan sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat bagi mengendalikan PIKeBM. Kandungan garis panduan ini menjelaskan secara terperinci tentang modul PIKeBM, kaedah pelaksanaan, peranan dan tanggungjawab serta mekanisme perkongsian maklumat PIKeBM. Modul PIKeBM berkenaan boleh dimuat turun melalui pautan <http://gg.gg/PIKeBM>.

7. Pelaksanaan PIKeBM dalam aktiviti kokurikulum adalah seiring dengan takwim perjumpaan aktiviti kokurikulum di sekolah berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu yang dibaca bersama-sama Modul PIKeBM.

8. PIKeBM dilaksanakan secara sisipan selama 10 minit bagi murid sekolah rendah (Tahun 4 hingga Tahun 6) dan menengah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5) setiap kali perjumpaan pasukan badan beruniform, kelab dan persatuan, serta sukan dan permainan. Penggunaan bahasa Melayu yang bertatasusila yang diterapkan dalam PIKeBM dibudayakan oleh murid secara berterusan dalam situasi formal dan tidak formal.

TARIKH KUAT KUASA

9. SPI ini **berkuat kuasa** serta merta mulai pada tarikh SPI ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

10. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan SPI ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. HABIBAH BINTI ABDUL RAHIM)

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB. Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB. Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. YB. Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

LAMPIRAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PROGRAM INTERAKTIF KEMAHIRAN BAHASA
MELAYU DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MULAI TAHUN 2021**

KANDUNGAN

1.	Tujuan	3
2.	Latar Belakang	3
3.	Objektif	3
4.	Modul PIKeBM	4
5.	Pelaksanaan	4
6.	Peranan dan Tanggungjawab	6
7.	Mekanisme dan Perkongsian Maklumat PIKeBM	8
8.	Penutup	9
9.	Lampiran	10

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah tentang pelaksanaan Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM) mulai tahun 2021.

2. LATAR BELAKANG

Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 dalam strategi ke-5, memperkukuh bahasa Melayu melalui kokurikulum telah menetapkan pelaksanaan PIKeBM di sekolah. PIKeBM merupakan salah satu daripada pernyataan dalam inisiatif hala tuju pendidikan bahasa Melayu KPM.

3. OBJEKTIF

Objektif PIKeBM adalah seperti berikut:

- 3.1 membantu meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran lisan bahasa Melayu;
- 3.2 membantu meningkatkan kemahiran murid dalam berkomunikasi secara lebih berkesan serta bertatasusila;
- 3.3 membantu meningkatkan keyakinan diri murid dalam berkomunikasi dan berbicara;
- 3.4 menyokong pengembangan bakat murid ke arah penghasilan karya murid; dan
- 3.5 membantu menerapkan nilai murni dalam kalangan murid dan menyuburkan perasaan cinta akan bahasa Melayu.

4. MODUL PIKeBM

Modul PIKeBM digunakan sebagai panduan kepada guru penasihat pasukan badan beruniform, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan untuk mengendalikan PIKeBM semasa perjumpaan kokurikulum. Modul PIKeBM bagi sekolah rendah dan menengah ini memuatkan 30 tajuk aktiviti yang boleh dipilih mengikut kesesuaian aktiviti kokurikulum pada minggu tersebut. Guru penasihat boleh memilih mana-mana tajuk yang terkandung di dalam modul ini dan disesuaikan dengan aktiviti utama pada perjumpaan kokurikulum. Modul ini juga menyediakan Instrumen Bimbingan/Penilaian Keberkesanan PIKeBM untuk digunakan oleh PPD/pemimpin sekolah membuat penilaian berterusan terhadap keberkesanan program.

5. PELAKSANAAN

5.1 PIKeBM dilaksanakan mulai 2021 di semua sekolah KPM. Kumpulan sasaran murid-murid yang terlibat adalah seperti yang berikut:

- i. Murid Tahap 2 (Tahun 4 - Tahun 6); dan
- ii. Murid Tingkatan 1 - Tingkatan 5.

5.2 PIKeBM dilaksanakan melalui kaedah sisipan dalam aktiviti kokurikulum setiap kali perjumpaan pasukan badan beruniform, kelab dan persatuan, serta sukan dan permainan dengan menggunakan modul PIKeBM sebagai panduan. Melalui kaedah sisipan tersebut, aktiviti dan perincian dalam

perjumpaan kokurikulum dimurnikan bersesuaian dengan cadangan aktiviti dalam modul PIKeBM.

5.3 Proses pelaksanaan aktiviti PIKeBM dilaksanakan dalam tiga (3) peringkat seperti yang berikut:

5.3.1 Prakurikulum (peringkat sebelum aktiviti kokurikulum dilaksanakan)

Bagi peringkat prakurikulum, guru penasihat Pasukan Badan Beruniform (PBB), kelab dan persatuan serta sukan dan permainan membuat perancangan aktiviti yang akan dilaksanakan bersesuaian dengan cadangan aktiviti di dalam modul PIKeBM untuk dilaksanakan pada waktu perjumpaan kokurikulum.

5.3.2 Kokurikulum (peringkat semasa aktiviti kokurikulum dilaksanakan)

Bagi peringkat pelaksanaan kokurikulum, murid melaksanakan aktiviti lisan yang telah dirancang oleh guru penasihat PBB, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan secara kaedah sisipan selama **10 minit** sama ada pada permulaan, pertengahan atau pengakhiran aktiviti mengikut kesesuaian. Pada peringkat kokurikulum, guru penasihat bertindak sebagai pemudahcara untuk membimbing murid melaksanakan aktiviti yang dirancang. Setelah murid selesai melaksanakan aktiviti, guru mencatat tajuk aktiviti PIKeBM yang dilaksanakan dan sedikit catatan

impak aktiviti dalam pelaporan perjumpaan aktiviti kokurikulum yang sedia ada.

5.3.3 Pascakurikulum (peringkat selepas aktiviti kokurikulum dilaksanakan)

Bagi peringkat pascakurikulum, murid mengaplikasikan dan membudayakan kemahiran lisan yang bertatasusila secara berterusan dalam situasi formal dan tidak formal. Aktiviti yang dijalankan pada peringkat kokurikulum bertindak sebagai ejen penggalak bagi murid meneruskan pembudayaan lisan ini dalam aktiviti seharian.

6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Bagi memastikan PIKeBM dijalankan selaras dengan garis panduan yang ditetapkan, pelbagai pihak perlu memainkan peranan terutamanya sebagai penggerak dan pelaksana PIKeBM di sekolah.

6.1 Pemimpin Sekolah

Pemimpin sekolah yang terdiri daripada Pengetua/Guru Besar dibantu oleh Guru Penolong Kanan Kokurikulum memainkan peranan yang penting sebagai penggerak utama PIKeBM di sekolah. Guru Penolong Kanan Kokurikulum bertindak menyelaraskan gerak kerja PIKeBM di sekolah dan memastikan PIKeBM dijalankan mengikut garis panduan. Manakala, Guru Penolong Kanan Pentadbiran dan Guru Kanan Mata Pelajaran Bahasa/Ketua Panitia Bahasa Melayu

membantu untuk melaksanakan pemantauan PIKeBM di peringkat sekolah.

6.2 Guru

Semua guru penasihat PBB, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan bertindak sebagai pelaksana PIKeBM di sekolah. Peranan guru-guru dalam pelaksanaan PIKeBM adalah seperti berikut:

- 6.2.1 membuat perancangan aktiviti PIKeBM yang akan dilaksanakan pada setiap perjumpaan PBB, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan;
- 6.2.2 menyesuaikan aktiviti PIKeBM yang dipilih dengan aktiviti perjumpaan PBB, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan;
- 6.2.3 melaksanakan aktiviti PIKeBM pada setiap perjumpaan PBB, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan;
- 6.2.4 menjadi fasilitator atau pemudahcara ketika murid melaksanakan aktiviti PIKeBM;
- 6.2.5 melaporkan pelaksanaan aktiviti PIKeBM dalam pelaporan perjumpaan kokurikulum sedia ada; dan
- 6.2.6 menggalakkan murid membudayakan kemahiran lisan yang bertatasusila secara berterusan dalam situasi formal dan tidak formal.

6.3 Murid

Murid mengaplikasikan dan membudayakan kemahiran lisan yang bertatasusila secara berterusan dalam situasi formal dan tidak formal.

6.4 Ibu Bapa/Penjaga

Ibu bapa/penjaga berperanan menyokong sekolah dalam pelaksanaan aktiviti PIKeBM terutamanya dalam menggalakkan murid membudayakan penggunaan bahasa yang sopan dan bertatasusila di luar waktu persekolahan.

7. MEKANISME PERKONGSIAN MAKLUMAT PIKeBM

7.1 Pelaporan

Pelaporan PIKeBM oleh guru adalah menggunakan borang/tapak/catatan pelaporan perjumpaan kokurikulum sedia ada. Tiada borang/tapak pelaporan baharu diperlukan. Guru hanya perlu melaporkan tajuk aktiviti PIKeBM yang dilaksanakan pada minggu tersebut berserta sedikit catatan impak aktiviti.

7.2 Pemantauan

Pemantauan pelaksanaan PIKeBM dari semasa ke semasa akan diselaraskan oleh Pegawai Unit Pembangunan Murid di PPD dan dilaksanakan secara berterusan oleh pihak sekolah. Guru Penolong Kanan Kokurikulum dengan kerjasama Guru Penolong Kanan Pentadbiran bersama-sama dengan Guru Kanan Mata Pelajaran Bahasa atau Ketua Panitia Bahasa Melayu di sekolah akan berperanan sebagai pemantau pelaksanaan program ini secara berterusan sepanjang tahun di sekolah masing-masing. Pemantau hanya perlu menggunakan Instrumen Bimbingan/Penilaian Keberkesanan PIKeBM yang terdapat dalam Modul PIKeBM untuk memantau keberkesanan program ini secara berterusan. Bagi

menilai impak PIKeBM dalam prestasi lisan murid, rubrik yang sama juga boleh digunakan bagi melihat peningkatan penguasaan lisan dalam kalangan murid.

8. PENUTUP

Garis Panduan Pelaksanaan Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2021 ini diharap dapat memastikan pengurusan dan pengoperasian PIKeBM di peringkat sekolah berjalan lancar. JPN dan PPD perlu memastikan maklumat berkenaan pelaksanaan PIKeBM ini dipanjangkan kepada semua guru di sekolah agar program ini mencapai objektif yang disasarkan dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah memperkukuh bahasa Melayu melalui kokurikulum.

LAMPIRAN

CARTA ALIR PELAKSANAAN PIKeBM DI SEKOLAH

